

Kempen Pulangan Tunai Insurans One2Cover 2026 – Terma dan Syarat

Kempen Pulangan Tunai Insurans One2Cover 2026 (“Kempen”) dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (196001000142) (“Maybank”), dan Etiqa General Insurance Berhad (No. Pendaftaran: 197001000276) (“Etiqa”) dan akan tertakluk pada terma dan syarat yang dinyatakan di sini. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Fasal ID di bawah) dengan ini secara nyata bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat yang dinyatakan di sini dan apa-apa keputusan yang dibuat oleh Maybank dan Etiqa berkenaan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat.

1. **Kelayakan**

- A. Kempen ini terbuka kepada individu yang memohon Insurans One2Cover (Pelan B) buat kali pertama melalui aplikasi MAE atau laman web Maybank2u semasa Tempoh Kempen (selepas ini ditakrifkan) (**“Transaksi yang Layak”**).
- B. Kempen ini terbuka kepada individu yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas dengan dokumen pengenalan diri yang sah. Kempen ini tidak terbuka kepada pelanggan perniagaan. Untuk tujuan Kempen ini, individu merujuk kepada Warganegara Malaysia, pemastautin tetap Malaysia dan Bukan Warganegara Malaysia dengan pasport yang sah.
- C. Kakitangan Maybank dan kumpulan syarikatnya, dan Kakitangan Etiqa dan kumpulan syarikatnya, TIDAK layak menyertai Kempen ini.
- D. Semua pelanggan individu yang telah memenuhi kriteria di atas yang dinyatakan dalam Fasal 1(A) dan 1(B), dan telah menjalankan Transaksi yang Layak yang berjaya, kemudian daripada ini akan dirujuk sebagai **“Pelanggan yang Layak”**. Pelanggan yang Layak akan secara automatik berhak menyertai Kempen ini.

2. **Kaedah Kempen**

A. Kempen ini akan diadakan dari **25 April 2026 jam 12:00:00 tengah malam (MYT) hingga 31 Julai 2026 jam 11:59:59 malam (MYT)** [termasuk kedua-dua tarikh] (**“Tempoh Kempen”**).

B. **Tempoh Kempen** akan dibahagikan kepada tiga (3) fasa (**“Fasa Kempen”**):

i. Fasa 1: 25 April 2026 – 24 Mei 2026

ii. Fasa 2: 25 Mei 2026 – 24 Jun 2026

iii. Fasa 3: 25 Jun 2026 – 31 Julai 2026

C. Kempen ini hanya sah untuk transaksi yang dibuat dalam aplikasi MAE dan laman web Maybank2u. Apa-apa transaksi yang dibuat di luar aplikasi MAE dan laman web Maybank2u tidak akan menyumbang atau dipertimbangkan untuk Kempen ini. Kempen ini sah untuk akaun Maybank yang berdaftar di Malaysia sahaja.

D. Kaedah Kempen dinyatakan dalam **Jadual 1**.

Kempen Pulangan Tunai Insurans One2Cover 2026 – Terma dan Syarat
Jadual 1: Kaedah Kempen

Transaksi yang Layak	Kaedah
Pelanggan yang Layak yang memohon Insurans One2Cover (Pelan B) melalui aplikasi MAE atau laman web Maybank2u semasa Tempoh Kempen.	<ul style="list-style-type: none"> • 3,000 Pelanggan yang Layak pertama akan mendapat pulangan tunai RM5 (“Hadiah”) yang dikreditkan ke dalam akaun simpanan/akaun-i mereka. <ul style="list-style-type: none"> ○ Fasa 1: 1,000 pemenang ○ Fasa 2: 1,000 pemenang ○ Fasa 3: 1,000 pemenang <p>Seramai 3,000 pemenang akan dipilih semasa Tempoh Kempen. Setiap Pelanggan yang Layak hanya berhak menerima maksimum satu (1) pulangan tunai sepanjang Tempoh Kempen.</p>

E. Contoh / senario kelayakan Hadiah dinyatakan dalam **Jadual 2**.

Jadual 2: Senario

Senario	Kelayakan Hadiah
Pelanggan yang Layak ialah pelanggan ke-900 yang memohon Insurans One2Cover (Pelan B) melalui aplikasi MAE / laman web Maybank2u dalam Fasa 1.	Pelanggan yang Layak berhak memenangi pulangan tunai RM5. Pelanggan yang Layak adalah dalam kalangan 1,000 pemohon pertama Fasa 1. Maybank akan mengkreditkan pulangan tunai ke akaun simpanan/akaun-i Maybank Pelanggan yang Layak.
Pelanggan yang Layak ialah pelanggan ke-900 yang memohon Insurans One2Cover (Pelan A) melalui aplikasi MAE / laman web Maybank2u dalam Fasa 1.	Pelanggan yang Layak tidak berhak memenangi pulangan tunai RM5. Pelanggan yang Layak tidak memohon Pelan B.
Pelanggan yang Layak ialah pelanggan ke-1,900 yang memohon Insurans One2Cover (Pelan B) melalui aplikasi MAE / laman web Maybank2u dalam Fasa 1.	Pelanggan yang Layak tidak berhak memenangi pulangan tunai RM5. Pelanggan yang Layak bukan dalam kalangan 1,000 pemohon pertama Fasa 1.
Pelanggan yang Layak ialah pelanggan ke-900 yang memohon Insurans One2Cover (Pelan B) melalui aplikasi MAE / laman web Maybank2u pada September 2026.	Pelanggan yang Layak tidak berhak memenangi pulangan tunai RM5. Pelanggan yang Layak tidak membeli pelan dalam Tempoh Kempen.

3. Pemberian Hadiah

- A. Maybank dan Etiqa akan mengenal pasti Pemenang dan Maybank akan mengkreditkan pulangan tunai ke akaun simpanan/akaun-i Maybank Pemenang dalam tempoh sembilan puluh (90) hari kalendar selepas tamat Tempoh Kempen. Akaun Pemenang tidak boleh

Kempen Pulangan Tunai Insurans One2Cover 2026 – Terma dan Syarat

ditutup atau tidak aktif pada masa pulangan tunai dikreditkan, jika tidak, pulangan tunai akan dilupuskan.

- B. Pemenang akan dimaklumkan secara bertulis melalui pemberitahuan segera daripada aplikasi MAE dan/atau Mel Terus Elektronik (eDM) atau mana-mana kaedah komunikasi lain yang difikirkan sesuai oleh Maybank. Pemenang hendaklah memastikan butiran hubungan mereka dikemas kini, jika tidak, Pemenang yang berbeza akan dipilih secara automatik tanpa notis terlebih dahulu.
- C. Pemenang boleh dihubungi oleh Khidmat Pelanggan Kumpulan Maybank untuk tujuan pengesahan. Maybank berhak meminta dokumentasi atau bukti pengenalan diri, umur dan kediaman mana-mana Pemenang dan Maybank berhak menghubungi Pemenang berkenaan dengan apa-apa kempen berkaitan yang mungkin diadakan pada masa hadapan.
- D. Maybank dan Etiqa berhak menggantikan Hadiah dengan apa-apa item lain yang mempunyai nilai pasaran yang sama mengikut budi bicaranya dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu kepada Pelanggan yang Layak melalui pemberitahuan segera daripada aplikasi MAE dan/atau Mel Terus Elektronik (eDM) atau mana-mana kaedah komunikasi lain yang difikirkan sesuai oleh Maybank.
- E. Semua nama Pemenang dan nombor Kad Pengenalan mereka (4 digit terakhir) akan diterbitkan di halaman promosi Kempen di <http://www.maybank2u.com.my> dan/atau mana-mana kaedah komunikasi lain yang difikirkan sesuai oleh Maybank untuk tujuan ketelusan setelah menerima persetujuan Pemenang.
- F. Sekiranya Pemenang gagal mematuhi mana-mana Terma dan Syarat Kempen ini, maka Maybank berhak membatalkan Hadiah untuk Pemenang tersebut.

4. Terma dan Syarat Am

- A. Maybank tidak akan bertanggungjawab atau bertanggung berkecualan dengan apa-apa kegagalan teknikal dalam apa jua bentuk, campur tangan, gangguan dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam urusan pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut bukan disebabkan oleh Maybank.
- B. Maybank berhak menarik balik, membatalkan, menangguhkan, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal secara keseluruhan atau sebahagian dan berhak, dari masa ke masa, untuk meminda mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini, dengan memberikan sekurang-kurangnya paling minimum dua puluh satu (21) hari ("hari" hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) notis awal mengendainya, di mana notis tersebut akan disiarkan di laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my

Kempen Pulangan Tunai Insurans One2Cover 2026 – Terma dan Syarat

atau melalui mana-mana saluran lain yang dianggap bersesuaian oleh Maybank. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mengetahui atau mencari mana-mana notis sedemikian yang telah disiarkan secara sah.

- C. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara berkala untuk melihat terma dan syarat di sini serta mendapatkan penjelasan daripada Maybank sekiranya Terma dan Syarat tidak difahami sepenuhnya.
- D. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini dan bersetuju serta memberi kebenaran untuk data peribadi dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank selaras dengan Kenyataan Privasi Maybank, yang boleh dilihat di www.maybank2u.com.my ("Kenyataan Privasi Maybank") dan borang PDPA untuk Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan dan tanpa apa-apa prejudis kepada terma dalam Kenyataan Privasi dan Borang PDPA untuk Pelanggan Individu, Pelanggan yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadi dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:

- i) tujuan Kempen ini; dan
- ii) Aktiviti Pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk media dan bahan-bahan pengiklanan atau publisiti seperti audio dan/atau rakaman visual yang diterbitkan melalui suratkhbar, saluran televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan digital serta di internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk tanpa had penggunaan dan/atau penerbitan apa-apa butiran yang disediakan dalam dan/atau berkaitan dengan penyertaan, bahan temu bual serta jawapan dan gambar berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pemasaran dan publisiti Maybank yang berkait dengan Kempen ini.

*Nota: "PDPA" bermaksud Akta Perlindungan Data Peribadi (2010)

- E. Maybank, Etiqa dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil, dan/atau ejen (termasuk tanpa had, mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank bagi tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini atas apa-apa kerosakan atau kerugian secara langsung atau tidak langsung, khas atau berturutan (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan punca pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul daripada atau berkait dengan Kempen ini kecuali disebabkan oleh apa-apa kecuaiian atau ketertinggalan oleh Maybank.

Kempen Pulangan Tunai Insurans One2Cover 2026 – Terma dan Syarat

- F. Maybank dan Etiqa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kegagalan dalam memenuhi kewajipannya berkaitan Kempen ini disebabkan oleh apa-apa kejadian force majeure termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, kekacauan awam, peperangan, mogok, rusuhan, sekatan masuk kerja, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa kejadian dan keadaan dalam apa jua bentuk yang berada di luar kawalan munasabah Maybank.
- G. Maybank dan Etiqa boleh membatalkan kelayakan/menolak mana-mana Pelanggan yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan di sini dan/atau didapati atau disyaki mengganggu Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan muslihat dan/atau perdayaan dan/atau menipu berkaitan dengan Kempen ini.
- H. Terma dan Syarat ini akan dikawal selia oleh Undang-Undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk apa-apa maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi Khidmat Pelanggan Maybank di talian Hotline 1 300 88 8688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk menghubungi Maybank secara e-mel melalui borang maklum balas yang boleh diperolehi di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my